

EK

ECONEWS

PM: TARAF MORAL YANG TINGGI DIPERLUKAN DALAM MEMBANTERAS JENAYAH

GENTING HIGHLANDS, 27 April (Bernama) - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata taraf moral dan etika yang tinggi adalah penting untuk membanteras jenayah di dalam mana-mana masyarakat.

"Apabila taraf moral dan etika rendah, bukan sahaja jenayah akan merebak tetapi kemampuan masyarakat itu mencapai kejayaan dan kemakmuran juga amat terhad," katanya.

"Lambat laun masyarakat itu akan memusnahkan dirinya."

Perdana Menteri membuat ulasan itu semasa merasmikan seminar dua hari mengenai "Etika perniagaan: tanggungjawab kepimpinan dan korporat" di sini.

Seminar itu dianjurkan oleh PNR Corporate Development Sdn Bhd, sebuah firma perundingan pengurusan Permodalan Nasional Bhd, dan Kelab Harvard Malaysia dengan kerjasama Kajian Perniagaan Harvard.

Sambil berkata bahawa beliau sentiasa menganggap perkara itu penting kepada kemakmuran masyarakat Malaysia, Dr Mahathir berka ta rakyat Malaysia mestilah menghargai yang kukuh di dalam mana-mana masyarakat terletak kepada keupayaannya menjalin taraf moral dan etika ke dalam kebudayaannya dan menjadikan ia asas-asas perjuangan ekonomi dan sosialnya.

Katannya: "Sesetengah kita, berasaskan kepada pendidikan keluarga, kepercayaan agama, dan pendidikan mungkin sedar tentang perlunya menilai hak dan yang salah bagi sesuatu keadaan itu.

"Sesetengah orang mungkin dikelabui oleh hadiah-hadiah yang diberikan yang mereka menadi tidak begitu mampu membezakan yang baik daripada yang buruk .

"Alasan-alasan sentiasa boleh direka dan dalih dihuat supaya nilai-nilai moral dan etika diketepikan.

"Kali pertama biasanya paling sukar. Tetapi apabila halangan moral diatasi, melupakan semua nilai-nilai baik menjadi lebih mudah selepas itu,"

Dr Mahathir berkata setiap masyarakat berbeza di dalam pentafsiran sesetengah selok helok taraf moral dan etika tetapi asas-asas moral dan etika adalah bercorak universal dan pada amnya diterima sebagai mempunyai kesan baik yang sama ke atas masyarakat, tanpa mengira berbezaan kaum, kebudayaan dan agama.

Perdana Menteri berkata di dalam dunia yang semakin liberal di mana seseorang itu hidup, peranan budi dan etika telah menjadi lebih penting lagi.

Beliau menambah kata: "Ini adalah kerana liberalisme mengranqkan ketegasan undang-undang yang di masalpau mengawasi kelakuan kita.

"Peraturan dan undang-undang kini dianggap sebagai tidak serasi dengan kebebasan di dalam masyarakat-masyarakat yang demokratik. Tetapi tanpa peraturan dan undang-undang, terdapat hahaya yang masyarakat akan menjadi huru-hara."

Sambil berkata yang pengurangan peraturan adalah satu kata lumrah kebelakangan ini, beliau menambah bahawa kini dirasakan bahawa lebih banyak peraturan uatut dihapuskan.

Akibatnya, di bidang perniayaan terdapat pengurangan peraturan dan kebebasan pasaran modal yang belum pernah berlaku dan pesat; internasionalisasi perbankan yang membolehkan pergerakan segera wang melintasi sempadan negara; pembangunan pesat alat-alat kewangan baru untuk menyokong urusan perdagangan antarabangsa dan pergerakan barangan dan perkhidmatan; dan kepesatan pertumbuhan industri sekuri ti di rantau ini.

Semua ini, kata Dr Mahathir, akan meningkatkan peluang-peluang bagi penipu-penipu membuat "sasaran" yang lebih besar atau menjalankan "serbuan" ke atas pasaran kewangan.

Semakin lebih banyak jenayah perdagangan dilakukan oleh individu-individu yang semakin sofistikated dan fasih di dalam pasaran dan urusan perniagaan yang kompleks, katanva.

Dr Mahathir berkata kerana banyaknya jumlah wang yang terlihat, godaan untuk melakukan jenayah seumpama itu amat besar dan malahan tokoh-tokoh bank dan usahawan-usahawan yang terhormat tidak boleh dianggap terlepas daripada godaan seumpamanya.

Sambil berkata bahawa penjenayah-penjenayah profesional kerap dikendalikan oleh sindiket-sindiket, perisikan dan pengalaman kebelakangan ini menunjukkan bahawa operasi mereka malahan telah menembusi agensi-agensi kerajaan, institusi-institusi kewangan dan bank-bank. -- lagi

EK
ECONEW S
PM: TARAF MORAL 2 GENTING HIGHLANDS

Katanya pemalsuan telah diperkembangkan menjadi satu seni manakala tindak-tanduk penipuan penjenayah-penjenayah itu begitu "profesional" sehinggakan mangsa-mangsa yang tidak mengesyaki hanya sedar yang mereka telah tertipu selepas jumlah besar wang telah terlepas atau digunakan.

Perdana Menteri berkata pada amnya "jenayah-jenayah perdagangan", yang meliputi jenayah perniagaan dan perdagangan dan kesemua operasi penipuan yang dijalankan untuk menjejaskan individu-individu atau masyarakat, menjejaskan dengan serius ekonomi banyak negara.

Memandangkan kesannya yang boleh mencacatkan masyarakat, adalah penting bahawa penjenayah-penjenayah seumpama itu dihadapkan ke pengadilan secepat mungkin.

Di dalam konteks Malaysia, katanya jenayah-jenayah perdagangan termasuk antara lain, penipuan korporat, urusan niaga dalaman dan pemalsuan kad kredit.

Sungguhpun saiz jenayah perdagangan daripada segi bilangan kes adalah kecil, katanya kos daripada segi wang dan kos sosio-ekonomi mungkin amat merosakkan.

Kelemahan-kelemahan amalan moral dan etika yang baik di dalam perniagaan dengan itu tidak harus dianggap biasa dan tidak serius, tambahnya.

Oleh itu, Dr Mahathir berkata terdapat keperluan mendidik dan menyemai budi yang tinggi dan kukuh supaya orang ramai dapat membezakan antara yang betul dan salah dan menolak tanpa berbelah bahagi apa yang salah. --

Bernama